JUZU' KE-30

SURAH AL-A'LA

SURAH KE

87

SURAH AL-A'LA

Surah Allah Yang Maha Tinggi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

19

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾

فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾ سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ﴿٦﴾

إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ وَمَا يَخْفَىٰ ﴿٧﴾

وَنُيَسِّرُكَ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٨﴾ فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٩﴾

سَيَذَّكَّرُ مَن يَخْشَىٰ ﴿١٠﴾ وَيَتَجَنَّبُهَا ٱلْأَشْقَى ﴿١١﴾

ٱلَّذِى يَصْلَى ٱلنَّارَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿١٢﴾

ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿١٣﴾

قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ ٱسْمَ رَبِّهِۦ فَصَلَّىٰ ﴿١٥﴾

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾

وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾

إِنَّ هَٰذَا لَفِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٨﴾

صُحُفِ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan(5). (Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa(6). Kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi(7). Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah(8). Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna(9). Orang yang takut kepada Allah akan menerima peringatan itu(10).Dan orang yang paling celaka akan menjauhinya(11). Dia yang akan memasuki api Neraka yang amat besar(12). Kemudian di sana Ia tidak mati dan tidak pula hidup(13). Sesungguhnya beruntunglah orang yang telah membersihkan dirinya(14). Dan sentiasa menyebut nama Tuhannya dan mendirikan solat(15). Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal(17). Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Kesukaan Rasulullah

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dari al-Imam 'Ali Karramallahu wajhahu bahawa Rasulululllah s.a.w. kasihkan surah (سبح اسم ربك الأعلى) dan tersebut di dalam Sahih Muslim bahawa beliau membaca (سبح اسم ربك الأعلى) dan (هل أتاك حديث الغاشية) di dalam solat dua hari raya dan hari Juma'at, dan beliau juga membaca kedua-dua surah itu untuk sembahyang hari raya dan sembahyang Juma'at yang jatuh pada hari Juma'at.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini, kerana surah ini menukarkan seluruh alam menjadi sebuah tempat ibadat di mana bergema ucapan tasbih dan tahmid di seluruh sudutnya, dan menjadi sebuah tempat pameran yang penuh dengan kejadian-kejadian yang mengilhamkan tasbih dan tahmid:

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾

فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Irama surah yang lembut ini melahirkan bayangan ucapan tasbih yang bergema jauh.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini yang telah membawa berita-berita gembira kepada beliau mengenai suatu perkara yang amat besar. Tuhannya telah berfirman kepadanya ketika beliau diperintah menyampaikan da'wah dan peringatan:

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ﴿٦﴾ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ وَمَا يَخْفَىٰ ﴿٧﴾ وَنُيَسِّرُكَ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٨﴾ فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa(6). Kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi(7). Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah(8). Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna."(9)

Di dalam ayat ini Allah memberi jaminan bahawa Ia akan terus memelihara hati Rasulullah s.a.w. supaya tetap mengingati Al-Qur'an, dan ia akan mengangkatkan keberatan tugas itu dari bahu beliau. Allah juga berjanji untuk memberikan kepadanya taufiq ke jalan yang mudah dan berjaya di dalam segala urusan da'wah. Inilah perkara yang amat besar.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini, kerana ia mengandungi asas-asas kepercayaan yang kukuh, iaitu kepercayaan tauhid terhadap Tuhan Pencipta, kepercayaan tentang adanya wahyu dari Allah, kepercayaan tentang adanya balasan di Akhirat. Inilah asas-asas 'aqidah yang pokok, kemudian 'aqidah ini dihubungkan pula dengan akar umbinya yang menjalar jauh dalam liku-liku zaman silam:

"Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa."(19)

Di samping itu ayat ini juga menggambarkan tabi'at 'aqidah Islam, tabi'at rasul yang menyampaikan 'aqidah itu dan tabi'at umat yang memikulnya iaitu tabi'at keselesaan dan toleransi setiap ayatnya yang terdapat di bawahnya berbagai-bagai saranan dan di belakangnya terdapat berbagai-bagai bidang yang amat jauh jangkauannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾ فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Pembukaan dengan ungkapan-ungkapan yang lembut ini ialah untuk melepaskan dari awal-awal gema-gema ucapan tasbih, di samping konsep tasbih. Sifat-sifat Allah yang disebut selepas diperintah bertasbih itu iaitu:

"Yang Maha Tinggi yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang, dan yang menentukan perencanaan, dan memberi petunjuk, yang mengeluarkan rumput (untuk ternakan), kemudian ia jadikan rumput (yang hijau itu) kering hitam kekuning-kuningan."(1 -5)

Sifat-sifat itu menukarkan seluruh alam ini kepada sebuah tempat ibadat yang penuh dengan gema tasbih dan sebuah pameran yang penuh dengan kesan-kesan Allah Pencipta Yang Maha Kreatif:

"Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

Yang dimaksudkan dengan tasbih ialah memuji, menyanjung tinggi, membersihkan Allah dari segala sifat yang kurang dan menghadirkan konsep sifat-sifat Allah Yang Maha indah serta hidup di tengah-tengah pancaran cahaya pengertian-pengertiannya yang indah, jelas, berwarna-warni dan menghayati citarasa dengan sepenuh hati dan perasaan. Tasbih bukan semata-mata mengulang-ngulangkan ucapan Subhanallah sahaja, malah ia merupakan satu ucapan yang melepaskan ke dalam hati suatu pengertian dan suatu keadaan yang sukar digambarkan dengan kata-kata, tetapi dapat dirasa dan dikecapi oleh minda. Ia menyarankan hidup bersama pancaran pengertian-pengertian yang jelas dan berwarna-warni yang terbit dari mengingati konsep-konsep nama-nama Allah.

Pengertian Sifat-sifat Ar-Rab Dan Al-A'la

Sifat Allah yang pertama yang disebut di dalam ayat ini ialah sifat الرب dan sifat الأعلى. Ar-Rabb (الرب)bererti pemelihara, pengasuh dan pelindung. Bayangan dari sifat Allah yang lemah-lembut ini adalah selaras dengan suasana surah ini, sesuai dengan berita-berita gembira yang terkandung di dalamnya dan seimbang dengan irama kata-katanya yang lembut. Sifat Allah Yang Maha Tinggi itu melepaskan keinginan di hati untuk menjelajah seluruh pelusuk alam yang tidak terhingga di samping melepaskan jiwa supaya bertasbih dan terus bertasbih memuji Allah sepanjang masa. Sifat Allah Yang Maha Tinggi itu seimbang dengan suasana memuji, menyanjung tinggi dan membersihkan Allah dari sifat yang rendah, kerana perbuatan memuji dan menyanjung tinggi adalah pada pokoknya lahir dari perasaan insaf terhadap sifat Allah Yang Maha Tinggi.

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi."(1)

Asal Bacaan Sujud Dan Ruku'

Ayat ini pada mulanya ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Ia merupakan perintah yang disampaikan kepada beliau dari Tuhannya. Pengertian kata-kata ayat ini begitu lembut dan begitu mesra yang tidak terungkap. Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. membaca perintah ini (سبح اسم ربك الأعلى), beliau terus membalasnya sebelum beliau teruskan bacaannya dengan ucapan:

سبحان ربي الأعلى

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi."

Beliau membalas begitu seolah-olah beliau sedang berada di hadapan Tuhannya menerima perintah itu secara langsung dari-Nya. Kemudian perintah itu terus dijunjungnya dengan penuh mesra. Apabila turun ayat ini beliau bersabda:

اجعلوها في سجود كم

"Jadikanlah bacaan ini di dalam sujud kamu."

Dan ketika turun ayat yang berikut sebelum ayat tadi:

فسبح باسم ربك العظيم

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha besar."

beliau bersabda:

اجعلوها في ركوعكم

"Jadikanlah bacaan ini di dalam ruku' kamu."

Ucapan tasbih yang dibacakan di dalam ruku' dan sujud itu merupakan satu ucapan yang hidup yang dihubungkan dengan solat yang hidup supaya menjadi sambutan secara langsung kepada perintah Allah, atau dengan kata-kata yang lebih halus, sambutan kepada keizinan Allah secara langsung yang membenarkan para hamba-Nya bertahmid dan bertasbih kepada-Nya kerana keizinan itu merupakan salah satu limpah kurnia-Nya kepada mereka. Ia merupakan keizinan yang membolehkan mereka membuat perhubungan dengan Allah dalam bentuk yang dapat difaham oleh fikiran manusia yang terbatas, iaitu satu bentuk perhubungan yang memberi peluang kepada manusia mengenal zat Allah menerusi sifat-sifat-Nya dalam batas yang dapat difahamkan mereka. Setiap keizinan yang diberikan kepada para hamba supaya membuat hubungan dengan Allah dalam apa bentuk sekalipun merupakan satu penghormatan dan limpah kurnia-Nya kepada mereka:

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

Ciri-ciri Penciptaan Allah Yang Sempurna

Maksudnya, Tuhan yang telah menciptakan segala sesuatu dengan sempurna dan menentukan setiap makhluk-Nya dengan tugas, cara hidup dan matlamat hidup masing-masing, dan memberi petunjuk, bimbingan dan ilham kepada mereka ke arah melaksanakan tugas dan matlamat hidup mereka masing-masing serta menetapkan segala sesuatu yang boleh memberi kebaikan kepada mereka selama hidup mereka dan membimbing mereka ke arahnya.

Hakikat yang agung ini terdapat pada setiap kejadian alam. Dari kejadian yang besar kepada kejadian yang kecil dan dari kejadian yang mulia kepada kejadian yang hina. Segala-galanya telah diciptakan dengan sempurna, segala-galanya telah dilengkapkan untuk menjalankan tugasnya, segala-galanya telah ditentukan matlamat wujudnya dan segala-galanya diberi kemudahan untuk mencapai matlamat-matlamat itu dari jalan yang paling mudah. Seluruh kejadian alam merupakan satu kelompok yang cukup teratur, masing-masing diberi, kemudahan untuk melaksanakan tugas secara kelompok dan tugas secara peribadi.

Sebiji atom merupakan satu unit yang sempurna imbangannya di antara proton-proton dan elektron-elektronnya. Ia sama dengan cakera suria (solar sistem) dalam imbangan susunan di antara mataharinya, planet-planet dan satelit-satelitnya. Masing-masing mengetahui jalan peredaran dan ia tahu cara melaksanakan tugasnya.

Sel hidup yang tunggal merupakan satu makhluk yang sempurna dari segi kejadian dan persediaan untuk melaksanakan seluruh tugasnya. Ia sama

dengan makhluk-makhluk hidup yang paling tinggi dan canggih kejadiannya.

Di antara sebiji atom dengan cakera suria, di antara satu sel yang tunggal dengan makhluk hidup yang paling tinggi, terdapat darjat-darjat perbezaan susunan dan struktur yang semuanya sama sahaja dari segi kesempurnaan kejadian, keseimbangan kelompok dan dari segi tadbir dan perencanaan yang mengendalikannya. Seluruh kejadian alam menjadi saksi kepada hakikat yang mendalam ini.

Hakikat ini dapat difaham oleh hati manusia apabila mereka memperhatikan kejadian-kejadian alam dengan perasaan yang terbuka. Kefahaman secara ilham ini tidak sukar dicapai oleh sesiapa sahaja, dari masyarakat mana sahaja dan dengan taraf pelajaran apa sahaja apabila mata hatinya terbuka untuk menerima ilham-ilham alam.

Pengamatan dan ilmu pengetahuan yang dipelajari telah mengemukakan contoh-contoh hakikat yang dapat difaham secara ilham melalui pandang pertama. Di sana terdapat hasil-hasil pengamatan dan kajian ilmiyah yang menunjukkan sebahagian dari hakikat yang meliputi seluruh kejadian alam itu.

Daya Penglihatan Haiwan

Ujar Abraham Cressy Morrison seorang ahli sains Amerika dan ketua Akademi Sains di New York dalam bukunya yang berjudul, *"Manusia Tidak Berdiri Sendirian"*[1]:

"Burung-burung itu mempunyai naluri pulang ke tempat asal. Burung ciak yang membuat sarang di pintu rumah anda akan berpindah ke Selatan di musim gugur, tetapi ia kembali semula ke sarangnya di musim bunga selepas itu. Dalam bulan September kebanyakan burung kita (burung Amerika) terbang berpuak-puak menuju ke Selatan. Biasanya burung-burung itu memotong sejauh kira-kira seribu batu di atas lautan, tetapi mereka tidak sesat jalan. Burung merpati yang dilatih membawa surat apabila ia berada dalam keadaan bingung akibat bunyi-bunyi yang baru dialaminya dalam satu perjalanan yang jauh di dalam sangkar akan terbang berlegar-legar sebentar di udara, kemudian terbang menuju tempat asalnya tanpa sesat. Lebah dapat menemui sarangnya walaupun angin ribut memukul rumput-rumput dan pokok sehingga menghilangkan segala tanda yang dapat dilihat. Deria atau daya asas mencari jalan balik ke tempat asal itu tidak begitu kuat pada manusia, tetapi ia dapat melengkapkan persediaan derianya yang sedikit itu dengan alat-alat pelayaran. Kita perlu kepada naluri ini dan akal kitalah yang memenuhi keperluan itu. Serangga-serangga yang seni tentulah mempunyai mata sekuat mikroskop atau teropong pembesar yang kita tidak mengetahui sejauh mana kekuatan penglihatannya. Begitu juga burung-burung helang mempunyai mata sekuat mikroskop atau teropong pembesar dan pendekat, tetapi di sini juga manusia dapat mengatasi binatang-binatang itu dengan alat-alat mekanik yang direkakan mereka, Oleh kerana itu dengan pertolongan teleskopnya manusia boleh melihat nebula atau kelompok-kelompok bintang yang jauh. Oleh kerana matanya lemah, maka ia perlu menggandakan kekuatan penglihatan matanya dengan dua juta kali untuk membolehkannya melihat kelompok-kelompok bintang yang jauh itu. Dengan perantaraan teropong mikroskop elektrik, manusia boleh melihat kuman-kuman yang selama ini tidak boleh dilihat, juga dapat melihat serangga-serangga seni yang menggigit serangga-serangga itu.

"Andainya anda membiarkan kuda tua anda berjalan sendirian di malam yang gelap, ia akan dapat mengikuti jalan itu walau bagaimana gelap sekalipun malam itu. Ia boleh melihat walaupun pada tempat-tempat yang tidak terang. Burung hantu juga dapat melihat tikus yang berlari di atas rumput biarpun bagaimana gelapnya malam itu. Kita boleh menukar malam menjadi siang dengan mengadakan pancaran cahaya.

Kerajaan Lebah

"Kumpulan buruh-buruh betina lebah bertugas membuat kamar-kamar yang berbagai bentuk pada sikat yang diguna untuk membela lebah. Mereka membuat kamar-kamar kecil untuk keperluan buruh-buruh jantan dan kamar yang paling besar ialah untuk lebah-lebah jantan di samping membuat sebuah bilik khas untuk ratu-ratu lebah yang hamil. Ratu lebah bertugas meletakkan telur yang belum disenyawakan di dalam sel-sel yang disediakan kepada lebah-lebah jantan dan telur yang telah disenyawakan di dalam kamar-kamar yang disediakan kepada buruh-buruh betina dan lebah-lebah bakal ratu. Buruh-buruh betina yang sebaya yang menunggu kedatangan generasi baru sekian lama, kini juga bersedia untuk menjalan tugas menyediakan makanan kepada anak-anak lebah dengan memamah madu debunga dan awalan cernaannya, kemudian berhenti dari kerja memamah apabila anak-anak lebah jantan dan betina itu sampai kepada peringkat perkembangan yang tertentu, dan anak lebah itu tidak makan selain dari madu dan debunga, dan lebah-lebah betina yang dilayan seperti ini akan menjadi buruh-buruh betina.

"Lebah-lebah betina yang berada di dalam bilik-bilik diraja terus memamah madu dan awalan cemaannya untuk mendapat makanannya. Mereka yang diberi layanan yang sedemikian akan berkembang menjadi ratu-ratu lebah. Ratu-ratu inilah sahaja yang mengeluarkan telur yang disenyawakan. Proses mengulangi pengeluaran ini membabitkan bilik-bilik khas dan telur yang khas, juga membabit kesan yang ajaib untuk mengubahkan makanan-makanan, dan ini memerlukan kesabaran menunggu, kebolehan membeza dan menggunakan penemuan kesan makanan itu. Perubahan-perubahan ini khususnya mencakup kehidupan kelompok dan ia nampaknya

---

[1] *"Man Does Not Stand Alone", (1944), terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki berjudul* العلم يدعو إلى الإيمان.

merupakan suatu keperluan untuk kewujudan kelompok. Tentulah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan itu telah diperolehi selepas bermulanya kehidupan kelompok ini walaupun kedua-duanya tidak perlu untuk membentuk lebah dan mengekalkan hidupnya. Di sini ternyata bahawa lebah mengatasi manusia dalam kepandaian mengenal kesan-kesan makanan dalam suasana yang tertentu.

"Anjing dengan hidungnya yang mempunyai daya cium yang kuat dapat menghidupkan binatang-binatang yang lalu. Walaupun manusia belum lagi mempunyai alat-alat rekaan untuk menguatkan daya hidunya yang lemah, namun deria cium manusia boleh membezakan zarrah-zarrah yang amat seni.

Daya Dengar Haiwan

"Semua binatang-binatang dapat mendengar bunyi-bunyi yang kebanyakannya di luar lengkongan getaran-getaran bunyi yang khusus dengan kita manusia iaitu kehalusan bunyi yang banyak mengatasi deria pendengaran yang terbatas pada kita. Kini dengan menggunakan alat-alat rekaan manusia dapat mendengar suara lalat yang terbang dalam jarak berbatu-batu jauhnya, seolah-olah lalat itu berada di atas gegendang telinganya, begitu juga dengan alat-alat seperti itu manusia dapat merakamkan bunyi jatuhnya pancaran cahaya matahari.

"Sejenis lelabah air membuat sarangnya dalam bentuk sebiji belon yang dibuat dari benang-benang lelabah itu. Belon itu dilekatkan pada sesuatu di bawah air kemudian ia memegang bebola udara yang ada pada rambut tubuhnya dan membawanya ke dalam air dan melepaskan bebola itu di bawah sarangnya. Ia melakukan pemindahan bebola ini berulang-ulang kali sehingga sarang itu menggelembung, dan di waktu inilah ia melahirkan anaknya dan membelanya dalam keadaan yang selamat dari tiupan angin. Di sini kita dapat menemui kepandaian bertenun termasuk pengetahuan kejuruteraan, rekaan bentuk, pembinaan dan pengangkutan udara.

Kebolehan Ikan-ikan Salmon Dan Belut

"Ikan salmon mengharungi lautan bertahun-tahun lamanya kemudian pulang kembali ke sungai asalnya. Yang lebih aneh ikan-ikan itu memanjat tebing sungai yang jadi muara anak sungai tempat lahirnya. Apakah yang membolehkan ikan itu kembali ke sungai tempat lahirnya dengan begitu tepat? Ikan-ikan salmon yang memanjat tebing itu apabila dipindah ke anak sungai yang lain dengan serta merta akan mengetahui bahawa anak sungai itu bukan anak sungai tempat lahirnya, dan ia akan terus mencari jalannya untuk pulang ke sungai asalnya.

"Di sana ada lagi satu teka-teki yang lebih sulit iaitu teka-teki ikan-ikan belut. Ikan-ikan yang aneh ini apabila sudah cukup besar akan berhijrah dari berbagai-bagai sungai dan tasik. Andainya ikan-ikan itu berada di Eropah, ia akan mengharungi lautan sejauh beribu-ribu batu menuju lautan-lautan yang jauh di Selatan Bermuda, di sanalah ia bertelur dan mati, tetapi anak-anaknya akan balik ke pantai tempat ibu bapanya datang dan dari sana mereka akan pergi ke setiap sungai dan tasik. Mereka melawan dan menghadapi arus air yang kuat, ribut taufan dan ombak-ombak yang mendampar di setiap pantai. Dan kini mereka mendapat kesempatan, untuk berkembang subur, dan apabila mereka sudah cukup besar, mereka akan didorong oleh satu undang-undang sulit supaya mereka balik ke tempat asalnya setelah selesai semua perjalanan mereka. Dari manakah datangnya dorongan itu? Tidak pernah berlaku ikan belut dari perairan Amerika ditangkap di perairan Eropah atau ikan belut dari perairan Eropah ditangkap dalam perairan Amerika. Alam melambatkan kesuburan ikan belut perairan Eropah selama setahun atau lebih sebagai ganti kelebihan jarak perjalanan yang diharungi olehnya kerana jarak perjalanannya lebih jauh dari jarak perjalanan yang ditempuh oleh ikan belut dari perairan Amerika. Apakah atom-atom atau abus-abus yang bercantum pada ikan belut ini mempunyai deria mengarah dan daya iradat yang perlu untuk melaksanakan tindakan-tindakan?

Komunikasi Rama-rama

"Apabila angin membawa rama-rama betina dari celah tingkap ke bilik atas rumah anda, maka tidak lama kemudian ia mengirim isyarat sulit kepada rama-rama jantan. Kadang-kadang rama-rama jantan itu berada di tempat yang jauh, tetapi ia boleh menerima isyarat itu dan membalasnya walaupun anda menggunakan sejenis bau untuk mengelirukannya. Apakah rama-rama betina itu mempunyai stesyen pemancar dan rama-rama jantan mempunyai alat radio mental terutama aerial atau dawai-dawai yang dapat memungut suara? Apakah rama-rama betina menggerakkan ether dan rama-rama jantan dapat menangkap gerakan itu?

"Telefon dan radio merupakan dua alat dari alat-alat rekaan yang aneh, yang membolehkan kita membuat perhubungan-perhubungan yang segera, tetapi sehubungan ini kita masih terikat dengan dawai dan tempat, namun demikian rama-rama masih mengatasi kita dari segi ini.

Keanehan Tumbuhan-tumbuhan

"Tumbuh-tumbuhan pula berusaha menggunakan agen-agen asing untuk menyambungkan kesinambungan hidupnya tanpa keinginan dari mereka seperti serangga-serangga yang membawa debunga dari satu bunga ke satu bunga, juga angin dan segala sesuatu yang terbang atau berjalan untuk menaburkan benihnya. Dan akhir sekali tumbuh-tumbuhan telah berjaya mengenakan manusia masuk ke dalam perangkapnya. Mereka telah berbuat baik kepada bumi dan mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya, lalu mereka dibelenggu dengan alat-alat membajak, mereka terpaksa menabur benih tumbuh-tumbuhan itu,

menuai dan menyimpannya, mereka terpaksa membiak, mengawin, mencantas dan mencantumnya, dan andainya mereka abaikan usaha-usaha ini, mereka akan ditimpa kebuluran, dan tamadun mereka akan runtuh dan bumi akan kembali kepada keadaan semulajadinya.

Keanehan Udang Galah

"Banyak dari binatang seperti udang galah, apabila kehilangan sepitnya, maka ia akan segera menggantikannya dengan mencergaskan kembali sel-sel, dan sebaik-baik sahaja sepitnya itu tumbuh dengan sempurna, sel-sel itu akan berhenti bekerja seolah-olah ia tahu masa rehat telah tiba. Apabila anda potong kepala ulat makanan, ia akan segera menggantikannya dengan kepala baru. Kita manusia boleh mencergaskan proses terkatupnya luka-luka, tetapi bilakah pakar-pakar bedah dapat mengetahui bagaimana hendak menggerakkan sel-sel supaya dapat menumbuhkan lengan baru, atau daging dan tulang baru atau kuku dan urat saraf baru jika perkara ini boleh berlaku.

Keajaiban Sel-sel Benih

"Di sana ada satu hakikat yang menakjubkan yang dapat memberi sebahagian pentafsiran kepada teka-teki ciptaan yang baru atau ciptaan semula ini, iaitu sel-sel benih di peringkat perkembangannya yang pertama apabila bercerai, maka setiap bahagian yang bercerai itu mempunyai kebolehan untuk mewujudkan satu individu yang sempurna. Oleh kerana itu apabila sel pertama berpecah kepada dua bahagian dan kedua-duanya bercerai, maka kedua-duanya akan berkembang subur menjadi dua individu. Mungkin hakikat inilah dapat mentafsirkan keserupaan rupa paras dua orang anak kembar, malah hakikat ini menunjukkan kepada satu hakikat yang lebih besar lagi iaitu setiap sel pada mulanya boleh membentuk satu individu yang sempurna dengan terperinci. Oleh kerana itu tidak syak lagi,bahawa anda sendiri juga wujud di dalam tiap-tiap sel dan tisu anda."

Dalam bab yang lain beliau berkata:

Keajaiban Pokok Oak

"Apabila buah oak gugur di atas bumi, ia terselamat kerana kulitnya yang keras dan berwarna coklat muda. Ia mungkin menggolek ke dalam mana-mana lubang. Di dalam musim bunga benih buah itu akan cambah dan mengembang subur menyebabkan kulitnya pecah.Ia menyedut makanannya dari biji yang berupa seperti telur. Di sinilah tersimpannya gena-gena atau unit-unit warisan pokok itu. Kemudian ia berakar dan melahirkan anak pokok oak, dan beberapa tahun kemudian ia menjadi pokok oak yang besar.

"Gena-gena dalam benih itu membiak berjuta-juta banyaknya untuk melahirkan batang pokok, kulit, daun dan buah oak yang serupa dengan pokok oak yang pertama. Buah oak dalam ratusan tahun akan terus melahirkan pokok oak yang sama dengan pokok oak yang pertama sejak berjuta-juta tahun yang lampau."

Dalam bab yang ketiga beliau berkata lagi:

Fungsi Sel Pada Makhluk-makhluk Yang Hidup

"Setiap sel yang wujud pada mana-mana makhluk yang hidup harus menyesuaikan dirinya untuk menjadi sebahagian dari daging, atau mengorbankan dirinya sebagai sebahagian dari kulit yang tidak lama akan reput atau bertugas untuk membina gusi, untuk mengeluarkan cecair jernih dalam mata dan untuk membentuk hidung dan telinga. Ia harus menyesuaikan dirinya dari segi rupa bentuk dan sifat-sifat yang lain yang perlu untuk melaksanakan tugasnya. Memang sukar untuk difikirkan manakah sel yang membentuk tangan kanan atau tangan kiri, tetapi yang pastinya salah satu sel menjadi sebahagian dari telinga kanan dan satu sel yang lain menjadi sebahagian dari telinga kiri.

"Ratusan ribu sel kelihatan seolah-olah didorong dan dirangsangkan untuk melakukan sesuatu yang betul dalam waktu yang betul dan di tempat yang betul."

Dalam bab yang keempat beliau berkata pula:

Kecerdasan Serangga

"Banyak makhluk yang memperlihatkan naluri atau kecerdasan yang tinggi atau sesuatu yang kita tidak mengetahui. Misalnya tebuan jantan memburu belalang, lalu ditanam dalam bumi setelah disengat pada tempat yang tertentu supaya belalang itu tidak sedarkan diri dan hidup seperti daging simpanan. Kemudian tebuan betina datang bertelur pada tempat belalang itu ditanam. Apabila anak-anak tebuan itu telah menetas, maka belalang itulah yang menjadi makanannya, dan sekiranya belalang itu dibunuh terus tentulah anak-anaknya diancam bahaya. Tentulah tebuan jantan itu melakukan kerja itu sejak semulajadinya lagi dan mengulanginya. Jika tidak, tentulah tebuan-tebuan tidak akan wujud lagi di bumi ini. Sains tidak dapat mentafsirkan fenomena yang sulit ini, namun demikian ia tidak boleh mentafsirkannya sebagai satu kejadian kebetulan.

"Tebuan betina yang bertelur itu akan menimbuskan lubang telurnya di bumi dan terus terbang kemudian mati, sedangkan ia dan datuk neneknya tidak pernah memikirkan proses ini. Ia tidak tahu apa yang akan berlaku kepada anak-anak kecilnya, atau tahu bahawa di sana ada sesuatu yang dinamakan anak-anak kecil, malah ia tidak tahu bahawa ia hidup dan bekerja, untuk memelihara dan mengekalkan kesinambungan jenisnya.

Kaum Buruh Semut

"Setengah-setengah jenis semut ada pekerja yang mengangkut biji-bijian untuk membekalkan makanan kepada semut-semut yang lain di musim dingin. Dalam sarang semut terdapat sebuah tempat simpanan biji-bijian yang dikisar. Di sinilah semut yang dilengkapkan dengan rahang-rahang besar untuk mengisarkan makanan bagi menyediakan makanan untuk negerinya. Dan inilah

satu-satunya pekerjaannya. Apabila tiba musim gugur dan semua biji-bijian siap dikisar, maka perlulah bekalan makanan itu dijaga dengan hemat, dan oleh kerana angkatan semut yang baru akan terdiri dari bilangan semut pekerja atau semut pengisar yang ramai, maka tentera-tentera semut bertindak membunuh semut pengisar yang ada, mungkin hati kecil serangga itu redha bertindak dengan alasan kerana semut itu telah pun meni'mati habuannya yang cukup, kerana dialah yang mula-mula berpeluang merasa ni'mat makanan itu semasa ia dikisar.

Ternakan Semut

"Setengah-setengah jenis semut didorong naluri atau pemikirannya (pilihlah mana yang disukai anda) menanam rumput-rumput makanan yang dapat dinamakan sebagai 'taman rumput' dan memburu ulat-ulat tertentu dan menjadikannya sebagai lembu-lembu dan kambing-kambing susu mereka untuk mengambil sejenis lelehan yang serupa dengan madu yang dikeluarkan oleh ulat-ulat itu untuk dijadikan makanan mereka. Setengah-setengah semut menawan beberapa kumpulan semut lain untuk dijadikan hamba abdinya, dan setengah-setengah semut pula apabila membuat sarangnya, akan memotong daun-daun tepat dengan ukuran-ukuran yang diperlukannya.

"Sementara setengah-setengah buruh semut menggunakan anak kecil yang boleh menenun sutra supaya bertenun bersamanya. Mungkin anak semut itu tidak dapat membuat sebuah rumah untuk dirinya sendiri, tetapi dia telah berkhidmat kepada kelompoknya. Sebagaimana atom-atom material yang membentuk semut boleh melaksana kerja-kerja yang canggih ini?

"Di sini bagaimana atom-atom benda yang membentuk semut itu dibolehkan melaksanakan kerja-kerja yang canggih itu...

"Tidak syak lagi di sana adanya Tuhan Pencipta yang menunjukkan kerja-kerja itu kepada binatang-binatang ini." Ya! Tidak syak lagi di sana wujudnya Tuhan Pencipta yang memberi bimbingan kepada semut-semut itu dan kepada seluruh binatang yang lain sama ada kecil atau besar. Itulah Tuhan Yang Maha Tinggi yang telah menciptakan seluruh makhluk dengan ciptaan yang sempurna, dan menentukan tugas dan matlamat kepada mereka masing-masing serta memberi bimbingan kepada mereka"...

Contoh-contoh yang kita petik dari penerangan seorang ahli sains itu merupakan sebahagian kecil dari hasil pengamatan yang dirakamkan oleh manusia di alam tumbuh-tumbuhan, alam serangga, alam burung-burung dan alam haiwan. Contoh-contoh yang seperti ini memang amat banyak dan semuanya memperlihatkan sebahagian kecil dari maksud-maksud pengertian firman Allah 'Azzawajalla:

ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾

"Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

di alam yang nyata yang masih sangat sedikit diketahui kita. Dan di belakang alam yang nyata ini juga terdapat alam ghaib, di mana berita dan ceritanya hanya sekelumit sahaja sampai kepada kita melalui penerangan-penerangan dari Allah sekadar yang sesuai dengan kemampuan kita yang lemah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)

Setelah mempamerkan pemandangan-pemandangan alam yang luas dan melepaskan ucapan tasbih bergema di merata pelusuknya yang jauh, surah ini menyempurnakan tasbih agungnya dengan menyentuh sepintas lalu tentang kehidupan tumbuh-tumbuhan yang mengandungi saranan dan tujuannya:

وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾ فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾

"Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Yang dimaksudkan dengan المرعى ialah segala tumbuh-tumbuhan dan setiap tumbuhan sesuai untuk dimakan sesuatu makhluk dari makhluk Allah. Ia lebih umum dari pengertian rumput-rumput ternakan yang biasa kita faham. Allah Azzawajalla telah menciptakan alam bumi dan menentukan makanan-makanan bagi semua makhluk yang hidup bergerak di permukaannya atau tersembunyi di dalam perutnya atau terbang melayang di udaranya.

Tumbuh-tumbuhan Seperti Hidupan Yang Lain Berakhir Dengan Kematian

Tumbuh-tumbuhan itu mulanya tumbuh menghijau. Kemudian beransur-ansur layu kering hitam kekuning-kuningan. Semasa hijau ia boleh dimakan dan semasa kering hitam kekuningan juga boleh dimakan. Dalam semua keadaan, tumbuh-tumbuhan itu berguna belaka kepada kehidupan mengikut perencanaan Allah yang telah menjadikan makhluk-Nya dengan ciptaan yang sempurna dan menentukan tugas dan matlamat masing-masing serta memberi bimbingan kepadanya.

Tujuan menyentuh kehidupan tumbuh-tumbuhan di sini ialah menyarankan secara halus bahawa setiap tumbuh-tumbuhan itu berakhir dengan penuaian, dan setiap yang hidup berakhir dengan mati. Sentuhan ini memang sesuai dengan penjelasan Al-Qur'an mengenai kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat:

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾

وَٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾

"Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal." (17)

Kehidupan dunia sama seperti kehidupan tumbuh-tumbuhan yang akan berakhir menjadi kering dan hitam, hanya kehidupan Akhirat sahaja yang kekal.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Dengan ayat-ayat permulaan yang membuka lembaran alam buana yang luas ini, maka hakikat-hakikat yang termuat dalam surah ini bersambung dengan alam buana dan alam buana bersambung dengan hakikat-hakikat itu dalam satu frem yang lebar dan indah ini. Satu perkara yang dapat diperhatikan ialah kebanyakan surah dalam juzu' 'Amma ini mempunyai frem yang seperti ini, iaitu satu frem yang cukup selaras dengan suasana surah, bayangan dan nadanya.

Selepas itu surah ini membawa pula berita gembira yang paling besar kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umat Muslimin selepasnya.

Berita gembira itu dimulai dengan berita bahawa Allah telah mengangkatkan kepenatan dan kesulitannya menghafal Al-Qur'an dari bahu Rasulullah s.a.w.:

"(Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa."(6)

Keselamatan Al-Qur'an Terjamin

Tugas beliau ialah membaca apa yang diterima dari Tuhannya, dan selepas itu Tuhannya menjamin akan memelihara ingatan hatinya dan kerana itu ia tidak akan lupa apa yang telah disampaikan oleh Tuhannya.

Inilah berita gembira kepada Nabi s.a.w. untuk menyenang dan mententeramkan hatinya terhadap Al-Qur'an yang agung, yang indah dan yang amat disayanginya itu. Beliau dengan perasaan yang begitu kasih, hemat dan bertanggungjawab mengulangi ayat demi ayat yang dibawa Jibril kepadanya. Beliau menggerak-gerakkan lidahnya untuk memperingatinya kerana takut terlupa walaupun sehuruf darinya hingga datang jaminan yang mententeramkan hatinya bahawa Allah akan menguruskan perkara itu.

Ia juga merupakan berita gembira kepada umat Rasulullah s.a.w. selepasnya, iaitu mententeramkan hati mereka terhadap sumber agama Islam ini. Ia benar-benar datang dari Allah dan Allahlah yang menjadi Penjaga dan Pemeliharanya pada hati Nabi-Nya. Ini menunjukkan betapa besar keprihatinan Allah S.W.T., betapa mulianya agama ini di sisi-Nya dan betapa agungnya urusan agama ini dalam neraca-Nya.

Kehendak Allah Mengatasi Segala-galanya

Dalam ayat ini dan di dalam setiap ayat yang membawa janji yang tegas atau undang-undang yang tetap, Allah iringi dengan satu kenyataan yang membayangkan bahawa kehendaknya tetap mengatasi segala-galanya. Ia tidak terikat dengan sebarang ikatan, walaupun ikatan yang terbit dari janji-janji dan undang-undangnya sendiri. Pendeknya kehendak dan masyi'ah Allah sentiasa bebas di sebalik undang-undang-Nya. Inilah yang selalu ditekankan oleh Al-Qur'an di setiap tempat, dan di antaranya ialah di dalam ayat ini:

إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ

"Kecuali apa yang dikehendaki Allah."(7)

Inilah pengecualian yang menjelaskan kebebasan kehendak atau masyi'ah Allah selepas ia menyebut janji-Nya yang tegas bahawa Rasulullah tidak akan lupakah ayat-ayat yang telah disampaikan kepadanya, supaya urusan itu tetap tertakluk dalam lingkungan kehendak Allah Yang Maha Agung dan supaya hati manusia sentiasa bergantung kepada kehendak Allah dan hidup dengan pergantungan ini buat selama-lamanya.

"Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi."(7)

Ayat ini seolah-olah merupakan alasan dari kenyataan yang telah lalu dalam bahagian ayat-ayat ini mengenai penjelasan, penghafalan dan pengecualian yang disebut Allah itu, iaitu semuanya terpulang kepada hikmat yang diketahui Allah Yang Maha Mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi serta mengetahui segala sudut persoalan itu. Oleh itu, Allah memutuskan persoalan itu mengikut kehendak kebijaksanaan-Nya yang bersandarkan kepada ilmu-Nya yang mengetahui segala liku-liku persoalan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

Berita gembira yang kedua ialah:

"Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah."(8)

Rasulullah Dikurniakan Kemudahan Dalam Segala Urusan

Ini merupakan berita gembira kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umat Muslimin selepasnya. Begitu juga ia merupakan penjelasan tentang sifat dan hakikat agama dan da'wah Islam dan peranannya dalam kehidupan manusia, juga kedudukannya di dalam peraturan alam. Sebenarnya dalam dua kalimat ونيسرك لليسرى mengandungi satu hakikat yang paling besar dari hakikat-hakikat agama Islam dan hakikat-

hakikat alam buana ini. Ia menghubungkan sifat Rasulullah s.a.w. dengan sifat agama Islam dan dengan sifat alam buana ini, iaitu alam buana yang muncul dari tangan qudrat Allah dengan mudah, dan berjalan mengikut peraturan Allah dengan mudah, dan menuju ke matlamatnya dengan mudah. Itulah pancaran nur yang menampakkan seluruh pelusuk dan liku hakikat yang tidak terbatas.

Rasulullah s.a.w. yang diberikan taufiq ke jalan yang mudah telah mendapat kemudahan di sepanjang jalan hidupnya. Beliau meneruskan perjalanannya bersama alam buana yang selaras struktur kejadiannya, harakatnya dan arah tujuannya menuju kepada Allah. Ia tidak berlanggar melainkan dengan orang-orang yang menyeleweng dari jalan alam buana yang agung ini, dan orang-orang ini tidak mempunyai apa-apa nilai dibandingkan dengan alam buana yang besar ini. Dan beliau terus berjalan dengan mudah, selesa dan lemah lembut bersama alam buana ini, bersama peristiwa-peristiwa, bersama segala bebenda, bersama semua orang dan bersama perencanaan Allah yang mengendalikan peristiwa-peristiwa, bebenda dan individu-individu manusia. Beliau diberikan kemudahan pada tangannya, pada lidahnya, pada gerak langkahnya, pada tindak-tanduknya, pada kefahamannya, kepada pemikirannya, dan kemudahan untuk mengendali dan menyelesaikan segala urusan, juga kemudahan dengan dirinya sendiri dan kemudahan dengan orang lain.

Rasulullah Suka Memilih Yang Mudah

Demikianlah keadaan Rasulullah s.a.w. dalain semua urusannya. Menurut riwayat Aisyah r.'anha:[2]

ما خير بين أمرين إلا اختار أيسرهما

"Nabi tidak diberi pilih di antara dua perkara melainkan beliau memilih mana yang lebih mudah dari keduanya."

Menurut Aisyah r.'anha lagi, biasanya Rasulullah s.a.w.: Apabila beliau berada di rumah, maka kelakuannya amat lemah-lembut dan sentiasa senyum ketawa tersebut dalam hadith al-Bukhari: (Ada seorang budak perempuan memegang tangan Rasulullah s.a.w. dan membawanya ke mana dia suka), Cara Rasulullah s.a.w. memakai pakaian, makan minum, tidur dan sebagainya menunjukkan beliau memilih cara yang mudah dan senang.

Cara Rasulullah Mengenakan Pakaiannya

Tersebut dalam kitab زاد المعاد karangan Syamsuddin Muhammad ibn Qayyim al-Juziyah mengenai cara Rasulullah s.a.w. memakai pakaian-pakaiannya:

"Beliau mempunyai sehelai serban yang dinamakan as-sahab yang telah dipakaikannya kepada Ali. Beliau telah memakainya, dan di bawahnya beliau memakai kopiah, kadang-kadang ia memakai kopiah tanpa serban dan kadang-kadang memakai serban tanpa kopiah. Apabila beliau memakai serban, beliau melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya, sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya.

"Dan menurut riwayat 'Umar ibn Hurayth katanya: Aku lihat Rasulullah s.a.w. di atas mimbar memakai serban hitam, kadang-kadang ia melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya. Dan dalam riwayat Muslim juga dari Jabir menyebut: Ekor serban. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak selama-lamanya melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya.

"Menurut satu riwayat lagi beliau memasuki Makkah lengkap dengan pakaian perang dan memakai sarung kepala besi. Pendeknya beliau memakai pada setiap tempat pakaian yang sesuai dengan tempat itu."

Dalam satu fasal yang lain ia berkata:

"Sebenarnya, cara yang paling afdhal ialah cara Rasulullah s.a.w. iaitu cara yang disunat, disuruh, digalak dan selalu diamalkan beliau. Cara beliau berpakaian ialah memakai apa sahaja pakaian yang mudah. Kadang-kadang ia memakai pakaian yang diperbuat dari bulu, kadang-kadang dari kapas dan kadang-kadang dari rami yang halus. Beliau memakai baju buatan Yaman yang berjalur, juga memakai baju hijau. Beliau memakai jubah, memakai baju luar berlengan panjang, memakai kemeja, memakai seluar, memakai kain, memakai baju lapis, memakai kasut, memakai capal, kadang-kadang melabuhkan ekor serbannya ke belakang dan kadang-kadang tidak."

Cara Makan Minum Rasulullah

Mengenai cara makan dan minum Rasulullah s.a.w. pula ia berkata:

"Begitulah juga cara dan sirah Rasulullah s.a.w. dalam makan dan minum. Beliau tidak menolak makanan yang ada dan tidak berpayah-payah dengan makanan yang tidak ada. Apa sahaja makanan yang baik yang dihidangkan kepadanya beliau akan makan kecuali seleranya tidak menerima, maka beliau akan meninggalkan makanan itu tanpa mengharamkannya. Beliau tidak pernah mengeji sesuatu makanan, jika beliau suka beliau makan dan jika tidak suka beliau tinggalkan sebagaimana beliau tinggalkan makan biawak pasir, kerana tidak biasa memakannya, tetapi beliau tidak mengharamkannya kepada umatnya, malah pernah biawak itu dimakan dalam hidangannya, sedangkan beliau melihat sahaja. Beliau makan manisan-manisan dan madu dan kedua-dua makanan itu sangat disukainya. Beliau makan tamar muda dan tamar masak, beliau minum susu, kadang-kadang susu sahaja dan kadang-kadang dicampur

---

[2] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

dengan makanan yang lain. Beliau makan bubur gandum. Beliau minum air bercampur madu dan air rendaman buah tamar. Beliau makan bubur yang diperbuat dari susu dan gandum. Beliau makan mentimun dengan tamar muda. Beliau makan susu kering yang dibekukan, makan tamar dengan roti dan makan roti dengan cuka. Beliau makan daging kering dan suka makan labu yang dimasak. Beliau makan sup daging, makan roti dengan minyak sapi. Beliau makan keju dan makan roti dengan minyak. Beliau makan tembikai dengan tamar muda dan suka makan tamar dengan mentega, dan inilah makanan yang disukainya. Beliau tidak menolak makanan yang baik dan tidak pula berpayah-payah dengannya, bahkan adat beliau ialah makan apa yang mudah dan jika tidak ada beliau bersabar......"

Cara Tidur Rasulullah

Mengenai cara tidur bangun Rasulullah s.a.w. ia berkata:

"Rasulullah s.a.w. kadang-kadang tidur di atas tilam, kadang-kadang di atas hamparan kulit, kadang-kadang di atas tikar, kadang-kadang di atas tanah, kadang-kadang di atas ranjang, kadang-kadang di atas pasir dan kadang-kadang di atas kain hitam."

Hadith Yang Menggalakkan Cara Hidup Yang Mudah

Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menggalakkan manusia supaya mengambil jalan yang mudah, sikap berlapang dada dan berlemah lembut di dalam menghadapi urusan-urusan terutama urusan agama dan kewajipan-kewajipannya, amatlah banyak dan sukar hendak dijelaskan kesemuanya.

Di antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

إن هذا الدين يسر ، ولن يشادّ الدين أحد إلا غلبه – (أخرجه البخاري)

"Sesungguhnya agama ini mudah, dan seorang itu tidak akan menyulit-nyulitkan agama melainkan ia akan kalah."

لاتشدّدوا على أنفسكم فيشدّد عليكم فإنّ قوماً شدّدوا على أنفسهم فشدّد عليهم ... (أخرجه أبو دواد)

"Janganlah kamu memberat-beratkan diri kamu, kerana akibatnya kamu akan dibebankan dengan keberatan. Sesungguhnya ada satu kaum yang memberat-beratkan diri mereka, lalu mereka dibebankan dengan keberatan."

إن المنبتّ لا أرضاً قطع ولا ظهراً أبقى – (أخرجه البخاري)

"Orang yang (terlantar kerana) memenatkan binatang tunggangannya tidak dapat pergi ke mana-mana dan tidak dapat menunggang kenderaannya."

يسروا ولا تعسروا – (أخرجه الشيخان)

"Hendaklah kamu pilih cara yang mudah dan jangan pilih cara yang sukar."

Dalam bidang mu'amalah beliau bersabda:

رحم الله رجلاً سمحاً إذا باع وإذا اشترى وإذا اقتضى – (أخرجه البخاري)

"Allah memberi rahmat kepada seseorang yang lapang dada apabila ia menjual, apabila ia membeli dan apabila ia menagih hutang."

المؤمن هيّن ليّن – (أخرجه البيهقي)

"Orang yang beriman bersikap mudah lemah-lembut."

المؤمن يألف ويؤلف – (أخرجه الدار قطني)

"Orang yang beriman bersikap mudah mendekati dan didekati."

إن أبغض الرجال إلى الله الألدّ الخصم – (أخرجه الشيخان)

"Orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang bermusuh ketat."

Di sana terdapat pandangan-pandangan sekilas yang mendalam yang menunjukkan bahawa beliau tidak sukakan sesuatu yang payah dan sukar hingga pada nama-nama dan raut-raut muka. Ia menyarankan hakikat fitrahnya yang dijadikan Allah yang telah mentaufiqkannya ke jalan yang mudah. Ini membuktikan bahawa beliau dari semulajadi lagi telah difitrahkan di atas tabi'at yang mudah.

Menurut riwayat dari Sa'id ibn al-Musayyib dari bapanya r.a. katanya: Dia datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu beliau bertanya: Apa nama engkau? Jawabku: حزن ("Hazn" yang bererti payah dan sukar). Sabda beliau: "Sebenarnya nama engkau سهل ("Sahl" yang bererti mudah). Jawabku: "Saya tidak suka mengubahkan nama yang telah diletakkan oleh bapa saya kepada saya." Kata Ibn al-Musayyib Rahimahullah: Selepas itu kami terus mengalami kepayahan dan kesukaran. (Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari).

Menurut riwayat dari ibn 'Umar r.a. pula, Rasulullah s.a.w. telah menukar nama seorang perempuan yang bernama 'Asiyah (yang bererti penderhaka) kepada Jamilah (yang bererti molek). (Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim).

Di antara sabda Rasulullah s.a.w.:

إن من المعروف أن تلقى أخاك بوجه طلق – (أخرجه الترمذي)

"Setengah daripada kebajikan ialah engkau menemui saudara engkau dengan muka yang manis."

(Diriwayatkan oleh at-Tirmizi)

Beliau mempunyai perasaan yang amat peka dan dapat memerhatikan ciri-ciri kekerasan dan kepayahan hingga pada nama-nama dan raut-raut muka yang tidak disukainya. Beliau sukakan sesuatu yang senang dan mudah.

Seluruh sirah Rasulullah s.a.w. merupakan lembaran-lembaran dari tingkahlaku yang toleran,

mudah, lemah-lembut dan mendapat taufiq ke jalan yang mudah dalam mengendalikan segala perkara.

Ini satu lagi contoh yang menunjukkan bagaimana cara Rasulullah s.a.w. mengubati hati manusia.

Cara Rasulullah Melayani Peminta Bantuan Yang Tamak

Pada suatu hari seorang Badwi datang meminta sesuatu dari Rasulullah s.a.w., lalu diberinya seraya bertanya, "Adakah aku telah berbuat kebaikan kepadamu?"

Jawab lelaki itu, "Tidak. Anda tidak berbuat kebaikan."

Lalu orang-orang Islam yang ada di situ naik marah dan mereka bangkit untuk mendapatkan lelaki itu, tetapi Rasulullah s.a.w. memberi isyarat supaya mereka jangan berbuat apa-apa. Kemudian beliau masuk ke dalam rumahnya dan menyuruh orang menjemput orang Badwi itu datang menemuinya, lalu beliau menambahkan lagi pemberiannya sambil bertanya:

"Adakah aku telah berbuat kebaikan kepadamu?"

Jawab lelaki itu: "Ya. Allah jua yang membalas kebaikan kepada keluarga dan kaum anda."

Lalu Nabi s.a.w. pun berkata kepadanya: "Tadi engkau telah mengeluarkan perkataan yang menyebabkan sahabat-sahabatku merasa terkilan di dalam hati mereka. Oleh itu, jika engkau suka, katakalah di hadapan mereka apa yang engkau telah katakan dihadapanku tadi supaya hilanglah apa-apa perasaan marah di dalam dada mereka terhadap engkau."

Di limun-limun pagi keesokannya, lelaki itu pun datang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): "Orang ini (semalam) telah berkata apa yang telah dikatakannya, lalu aku tambahkan lagi pemberian kepadanya dan (sekarang) ia pun telah menyatakan puas hatinya, bukankah begitu?"

Jawab orang kampung itu: "Ya. Allah jua yang membalas kebaikan kepada keluarga dan kaum anda."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya), "Aku dan orang Badwi itu bolehlah dibandingkan dengan seorang lelaki yang mempunyai seekor unta yang dari darinya, lalu dikejar oleh orang ramai menyebabkan unta itu menjadi bertambah liar. Kemudian tuan unta itu berkata kepada mereka: Biarkan sahaja aku dengan unta itu kerana aku lebih lemah-lembut terhadapnya dan lebih tahu. Lalu ia menuju ke hadapan unta itu dan mengambil sesuatu dari bumi untuknya, kemudian perlahan-lahan ia memanggil unta itu hingga unta itu datang dan berlutut. Lalu ia pun mengikat talinya dan mengenderainya. Andainya aku biarkan kamu bertindak ketika lelaki tadi mengeluarkan perkataannya itu, lalu kamu bunuhkannya, tentulah dia akan masuk Neraka."

Demikianlah cara Rasulullah s.a.w. melayani jiwa yang liar dengan cara yang begitu mudah, senang, lemah-lembut dan berjaya. Di samping itu di sana terdapat berbagai-bagai contoh dalam seluruh sirah Rasulullah s.a.w. iaitu contoh teladan bersikap mudah sebagaimana yang ditabsyir dan diberi taufiq oleh Allah dalam kehidupannya, dan dalam kegiatan da'wahnya dan dalam semua urusannya.

Beliau dikurniakan sifat keperibadian yang mudah itu untuk membawa da'wah Islam kepada manusia, supaya sifat dan hakikat da'wah itu sama dengan sifat dan hakikat peribadinya. Sikap dan sifatnya yang mudah merupakan suatu kelayakan untuk memikul amanah da'wah yang berat itu berkat kemudahan dan taufiq yang dikurniakan Allah kepadanya. Dengan kemudahan itu amanah da'wah yang berat berubah kepada kerja yang menyukakan hati, kepada senaman yang menyegarkan dan kepada kesukaan dan kegembiraan.

Mengenai sifat Nabi Muhammad s.a.w. dan sifat tugasnya, yang hendak dilaksanakannya, Al-Qur'an menerangkan:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan supaya menjadi rahmat kepada sekalian alam."

(Surah al-Anbia': 107)

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلۡأُمِّيَّ ٱلَّذِي يَجِدُونَهُۥ مَكۡتُوبًا عِندَهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ يَأۡمُرُهُم بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَىٰهُمۡ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنۡهُمۡ إِصۡرَهُمۡ وَٱلۡأَغۡلَٰلَ ٱلَّتِي كَانَتۡ عَلَيۡهِمۡۚ

"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada pada mereka. Ia menyuruh mereka melakukan kebaikan dan melarang mereka melakukan kejahatan, ia menghalalkan untuk mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang keji dan membuang dari mereka beban-beban yang memberatkan mereka dan belenggu-belenggu yang mengikat mereka."

(Surah al-A'raf: 157)

Rasulullah Membawa Agama Dan Cara Hidup Yang Mudah

Nabi Muhammad s.a.w. telah datang membawa rahmat kepada seluruh manusia. Ia datang membawa cara hidup yang mudah yang menghapuskan bebanan-bebanan dan belenggu-belenggu dari bahu manusia yang memberatkan mereka apabila mereka mencari jalan yang memayahkan diri mereka sendiri, maka kerana itulah mereka dipayahkan.

Al-Qur'an juga telah menyifatkan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu dengan firman-firman yang berikut:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk dijadikan peringatan, oleh itu, adakah orang yang mahu mengambil peringatan?"

(Surah al-Qamar: 22)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

"Allah tidak jadikan dalam agama sesuatu yang menyusahkan kamu."

(Surah al-Hajj: 78)

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

"Allah tidak memberatkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya."

(Surah al-Baqarah: 286)

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ

"Allah tidak sekali-kali mahu menjadikan sebarang kesulitan ke atas kamu, tetapi ia mahu membersihkan kamu."

(Surah al-Ma'idah: 6)

Agama ini telah diaturkan dengan cara yang mudah dalam lingkungan daya kesanggupan manusia. Ia tidak mentaklifkan dengan kewajipan yang menyusah dan menyulitkan mereka. Dasar kemudahan itu telah meresap dalam roh agama di samping meresap dalam taklif-taklifnya.

فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا

"Agama Allah yang difitrahkan manusia di atasnya."

(Surah ar-Rum: 30)

Apabila seorang mengikut agama ini ia akan dapatinya mudah dan sesuai dengan daya kesanggupan manusia, sesuai dengan keadaan-keadaan dan suasana-suasana hidup yang dihadapi mereka di dalam bermacam-macam persekitaran dan ehwal. 'Aqidah agama ini sendiri senang ditangkap dan difaham, iaitu percaya kepada Tuhan yang tunggal yang tiada tolok bandingnya. Dia menciptakan segala sesuatu dan membimbingnya ke matlamat kewujudannya. Dia mengutuskan para rasul-Nya kepada manusia untuk mengingatkan mereka terhadap matlamat kewujudan mereka dan mengembalikan mereka kepada Allah yang telah menciptakan mereka, dan selepas itu seluruh taklif atau kewajipan-kewajipan ini dalam agama adalah lahir dari 'aqidah yang mudah yang diatur dalam bentuk yang selaras dan lurus, tiada bengkang bengkok dan tiada penyelewengan. Kewajipan manusia ialah melaksanakan taklif-taklif itu mengikut daya kesanggupan yang ada pada mereka tanpa keberatan dan kesulitan.

Sabda Rasulullah s.aw.:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا ما استطعتم ، وما نهيتكم عنه فاجتنبوه – (أخرجه الشيخان)

"Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu laksanakannya sedaya upaya kamu, dan apabila aku melarang kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu jauhinya."

Di samping itu sesuatu yang dilarangkan itu tidak menjadi suatu dosa atau kesalahan dalam keadaan darurat. Firman Allah:

إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ

"Kecuali sesuatu yang kamu terpaksa melakukannya."

(Surah al-An'am: 119)

Dalam lingkungan batas-batas yang luas inilah diletakkan semua taklif-taklif.

Agama Islam Yang Mudah Melahirkan Umat Muslimin Yang Sederhana

Kerana itu tabi'at Rasulullah s.a.w. bertemu dengan tabi'at agama dan hakikat penda'wah bertemu dengan hakikat da'wah di dalam sifat semulajadi yang terang ini. Begitu juga umat Islam yang dipimpin oleh Rasul yang ditaufiqkan Allah ke jalan yang mudah dan membawa agama yang mudah telah menjadi umat yang sederhana. Merekalah umat yang mendapat rahmat dan membawa rahmat, umat yang mendapat kemudahan dan membawa kemudahan, umat yang fitrahnya sesuai dengan fitrah alam buana yang besar ini.

Alam buana yang teratur rapi dan bergerak dengan lancar dan licin itu merupakan kemudahan dan kelancaran dari ciptaan Allah yang tidak pernah berlanggar dan bergesel antara satu sama lain. Berjuta-juta bintang dan planet-planet beredar di angkasa Allah dan berlari di dalam lingkungan-lingkungan peredaran masing-masing dengan lancar, teratur, seimbang, saling tarik menarik, tidak berlanggar, tidak kucar-kacir dan tidak terumbang-ambing. Berjuta-juta makhluk yang bernyawa meneruskan hidup mereka menuju matlamat masing-masing sama ada dekat atau jauh dengan teratur rapi. Setiap mereka diberi kemudahan menuju kepada matlamat yang dijadikan untuknya, dan setiap mereka berjalan dengan lancarnya menuju matlamat itu. Berjuta-juta gerak-geri, peristiwa dan keadaan

berkumpul dan berpisah di dalam perjalanan menuju matlamatnya laksana nada-nada bunyian dari sebuah orkestra yang memainkan berbagai alat muzik. Seluruh nada-nada itu berkumpul dalam sebuah lagu yang panjang.

Itulah keserasian atau keseimbangan yang sempurna di antara sifat alam buana dengan sifat agama, sifat Rasulullah s.a.w. dan sifat umat Muslimin. Itulah ciptaan Allah Yang Maha Esa, Maha Pencipta dan Maha Bijaksana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

"Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna."(9)

Al-Qur'an Sumber Peringatan Dan Pengajaran Allah Kepada Manusia

Allah telah membacakan Al-Qur'an itu kepada Rasul-Nya dan ia tidak akan lupa kecuali apa yang dikehendaki Allah. Di samping itu, Allah taufiqkannya ke jalan yang mudah untuk memikul amanah da'wah yang agung itu. Kerana itu hendaklah ia memberi peringatan kepada manusia dengan Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya. Inilah matlamat perjuangan yang disediakan untuknya dan kerana matlamat inilah disampaikan kepadanya berita-berita yang menggembirakan itu. Berilah peringatan dan pengajaran Allah itu sebaik sahaja engkau mendapat peluang atau mendapat jalan menembusi hati manusia dan mendapat sarana untuk menyampaikannya. Berilah peringatan Allah.....

"Kerana peringatan itu berguna."(9)

Peringatan Allah itu selama-lamanya berguna. Di sana ada sahaja orang yang mahu mendapatkan manfaat darinya sama ada sedikit atau banyak. Mana-mana generasi dan mana-mana bumi tidak akan sunyi dari kelompok manusia yang ingin mendengar dan mengambil manfaat dari peringatan itu, biarpun bagaimana rosaknya umat manusia dan biarpun bagaimana keras dan berkaratnya hati mereka.

Apabila kita memperhatikan tertib ini di dalam ayat-ayat tadi, dapatlah kita mengetahui betapa besarnya agama yang dibawa oleh Rasulullah dan betapa agungnya amanah yang dipikulkan olehnya, iaitu amanah yang memerlukan kepada pengurniaan taufiq kepada kemudahan, kepada pembacaan Al-Qur'an dari Allah dan penghafalannya yang dijaminkan Allah agar dengan bekalan yang besar ini Rasulullah s.a.w. dapat melaksanakan tugas menyampaikan peringatan itu.

Apabila Rasulullah s.a.w. memikul beban amanah ini, bererti ia telah menunaikan tugas dan kewajipannya. Dan selepas itu, manusia akan memikul tanggungjawab masing-masing. Jalan hidup mereka tidak sama dan nasib kesudahan yang diterima mereka juga tidak sama. Allah akan bertindak terhadap mereka mengikut kehendak masyi'ah-Nya dan mengikut sejauh mana mereka menerima dan menyambut peringatan Allah yang disampaikan Rasulullah s.a.w. itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

"Orang yang takut kepada Allah akan menerima peringatan itu." (10)

Hanya Orang Bertaqwa Menyebut Peringatan Allah

Berilah peringatan dan orang yang akan mengambil manfaat dari peringatan itu ialah, **"orang yang takut kepada Allah"** iaitu orang yang hatinya dipenuhi perasaan taqwa yang takut kepada kemurkaan dan azab Allah. Hati yang hidup itu selalu bimbang dan takut sejak ia menyedari bahawa alam buana ini dimiliki Allah Tuhan yang telah menciptakannya dengan ciptaan yang sempurna, yang menentukan perencanaan terhadap makhluk-makhluk dan memberi petunjuk dan bimbingan kepadanya, Tuhan yang tidak akan meninggal dan membiarkan manusia sia-sia dan percuma, bahkan Ia akan menghisab segala perbuatan dan amalan mereka sama ada baik atau jahat dan akan menghukum mereka dengan adil. Kerana itulah mereka merasa takut, dan apabila diberi peringatan mereka mengambil peringatan, apabila diberi kesedaran mereka menerimanya dengan insaf, dan apabila diberi nasihat mereka mengambil pengajaran.

"Dan orang yang paling celaka akan menjauhinya."(11)

Hanya Manusia Yang Paling Malang Menolak Peringatan Allah

Maksudnya, ia akan menjauhi peringatan itu, ia tidak akan mendengar dan mengambil manfaat darinya. Kerana itulah ia merupakan manusia yang paling malang, manusia yang berada di kemuncak dan di penghabisan kecelakaan. Ia paling malang di dunia dengan sebab jiwanya yang kosong, mati dan tebal, kerana itu ia tidak dapat merasakan hakikat alam buana, tidak dapat mendengar pengakuan-pengakuan alam semesta yang benar dan tidak mendapat apa-apa kesan dari ilham-ilham alam semesta yang mendalam. Ia akan hidup dirundung gelisah, hidup dengan tamak haloba merebut keni'matan dunia, hidup dengan menumpukan segala daya usaha mereka yang penat untuk mendapatkan keni'matan dunia yang kecil ini. Ia juga manusia yang paling malang di Akhirat kerana mendapat keseksaannya yang tidak terhingga:

"Dia yang akan memasuki api Neraka yang amat besar(12). Kemudian di sana ia tidak mati dan tidak pula hidup."(13)

Neraka yang amat besar ialah Neraka Jahannam. Ia amat besar dengan keseksaan-keseksaannya, amat besar dengan masanya yang lama dan amat besar dengan keluasannya. Di sana ia akan tinggal buat selama-lamanya, ia tidak akan mati, dan kerana itulah ia tidak mendapat kerehatan dan tidak akan hidup dalam aman dan senang. Itulah azab yang kekal, dan bagi orang-orang yang merasakan keseksaannya berangan-angan supaya ia terus mati sama seperti ia berangan-angan mendapatkan impiannya yang paling tinggi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Golongan Manusia Yang Beruntung

Di sebelah lembaran yang setentang dengannya pula kita dapati kelompok manusia yang selamat, yang mendapat keuntungan, yang suci jiwanya dan sentiasa mengingati Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ ٱسْمَ رَبِّهِۦ فَصَلَّىٰ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya beruntunglah orang yang telah membersihkan dirinya(14). Dan sentiasa menyebut nama Tuhannya dan mendirikan solat." (15)

Membersihkan diri ialah mencucikan dirinya dari segala kekotoran, Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa orang yang membersihkan dirinya dan menyebut nama Allah serta mengenangkan kebesaran dan keagungan-Nya di dalam hatinya, **"dan mendirikan solat"** sama ada dengan erti "khusyu' dan patuh" atau dengan pengertian sembahyang biasa, maka kedua-dua pengertian ini mungkin hasil dari amalan mengingati Allah, mengenangkan kebesaran dan kehebatan-Nya di dalam hati... orang yang berbuat demikian tetap akan mendapat keuntungan. Ia beruntung di dunianya, iaitu ia hidup berhubung rapat dengan Allah, ia hidup dengan hati yang hidup yang mengecap kemanisan berzikir. Ia beruntung di alam Akhiratnya, iaitu ia terselamat dari api Neraka yang amat besar dan mendapat ni'mat Syurga dan keredhaan Allah. Alangkah jauhnya perbezaan di antara kesudahan ahli keimanan dan ahli kekufuran! Dan alangkah jauhnya perbezaan untung nasib di antara dua kelompok itu!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Dalam bayangan pemandangan api yang amat besar untuk manusia yang paling celaka, dan pemandangan keselamatan dan keberuntungan untuk orang yang membersihkan jiwanya itu, Al-Qur'an kembali menjelaskan sebab yang membawa mereka kepada kecelakaan dan punca yang menyebabkan mereka lalai dan tidak menghiraukan usaha-usaha berzikir dan membersihkan diri dan usaha-usaha untuk mendapatkan keselamatan dan keberuntungan hingga mengakibatkan mereka terseret ke dalam api Neraka dan kecelakaan yang amat besar:

"Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal."(17)

Mengutamakan Hidup Dunia Menjadi Punca Kesesatan Dan Penyelewengan

Sikap mengutamakan kehidupan dunia merupakan punca segala bala. Dari sikap inilah lahirnya sikap tidak menghiraukan peringatan dan pengajaran Allah, kerana peringatan itu mahukan mereka memperhitungkan kehidupan Akhirat dan mengutamakannya, sedangkan mereka mahukan kehidupan dunia dan mengutamakannya.

Kata-kata الدنيا bererti "rendah dan dekat". Ia dinamakan begitu bukan kerana kebetulan, malah sebenarnya kehidupan dunia itu adalah satu kehidupan yang rendah di samping merupakan satu kehidupan yang segera dan sementara, **"Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal"** iaitu lebih kekal dari segi nilai dan mutunya dan lebih kekal dari segi masanya.

Di dalam bayangan-bayangan hakikat ini, perbuatan mengutamakan kehidupan dunia ini merupakan suatu perbuatan yang tolol dan salah perhitungan, suatu perbuatan yang tidak dilakukan oleh orang yang mempunyai fikiran dan pandangan yang jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Pada akhir surah ini, Allah menjelaskan bahawa da'wah Islamiyah adalah satu da'wah yang amat tua yang berakar umbi dalam liku-liku zaman yang jauh, tetapi segala lunas-lunas dan dasarnya tetap satu dan padu di seluruh zaman dan tempat:

إِنَّ هَٰذَا لَفِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٨﴾
صُحُفِ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa." (19)

Kesatuan Ajaran Dalam Agama Samawi

Hakikat-hakikat yang diterangkan dalam surah ini adalah mengandungi dasar-dasar atau lunas-lunas

pokok 'aqidah Islamiyah yang pernah dijelaskan di dalam kitab-kitab suci yang silam yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa.

Kesatuan ajaran agama yang benar dan kesatuan 'aqidah pastilah terbit dari sumber yang satu dan kehendak yang satu yang mengutuskan para rasul kepada umat manusia. Ia merupakan agama yang benar yang satu, yang datang dari satu asal atau sumber. Hanya perincian-perinciannya atau butirannya sahaja yang berbeza-beza, kerana perbezaan keperluan-keperluan dan perbezaan tahap-tahap perubahan, tetapi semuanya bertemu pada asal yang sama dan terbit dari sumber yang sama, iaitu terbit dari Tuhanmu Yang Maha Tinggi yang menciptakan seluruh makhluk dan menentukan perencanaan terhadapnya memberi petunjuk kepadanya.

* * * * * *